

## **Interaksi Mualaf India Dengan Keluarga Bukan Islam Berkaitan Upacara Pengebumian Jenazah**

*The Interaction Of Indian Muslim Converts With Non-Muslim's Family Regarding Funeral Rites*

MOHD FAQIH BIN BAHARUDIN, Universiti Kebangsaan Malaysia  
ZULIZA MOHD KUSRIN, Universiti Kebangsaan Malaysia

### **ABSTRAK**

Setiap bangsa di dunia ini memiliki sistem budaya yang tersendiri, termasuklah amalan upacara kematian yang diamalkan. Budaya kematian setiap kaum adalah berbeza-beza untuk dipersembahkan kerana masing-masing berpegang kepada asas kepercayaan agama tersendiri. Islam melarang serta memberi amaran tegas supaya tidak melakukan perbuatan yang menyerupai agama lain dan bertentangan dengan syarak. Namun begitu larangan Islam tidak secara total, bahkan masih terdapat ruang-ruang yang dibenarkan untuk mualaf mengadakan perhubungan yang baik dengan ahli keluarga bukan Islam tetapi mestilah tidak melakukan perkara yang boleh merosakan akidah umat Islam. Mualaf yang memiliki ahli keluarga bukan Islam sudah tentu berhadapan dengan keadaan yang berbeza sekiranya berlaku kematian kerana sebahagian mereka terikat dengan syariat Islam. Justeru, kajian ini adalah untuk melihat bagaimanakah interaksi mualaf dengan ahli keluarga bukan Islam sewaktu upacara pengebumian jenazah. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah analisis kandungan dan temu bual separa struktur bersama 13 orang mualaf berbangsa India yang mengikuti pengajian di Kompleks Darul Hidayah (KDH), Sentul. Data terkumpul dianalisis secara diskriptif dan tematik. Hasil kajian ini mendapati sebahagian mualaf sudah tidak terlibat dengan upacara-upacara keagamaan yang dilarang oleh Islam tetapi masih menghadirkan diri ke majlis pengebumian. Disamping itu, kajian juga mendapati ketika berlaku kematian masih terdapat mualaf yang melakukan upacara-upacara kematian. Begitu juga masih terdapat mualaf yang mendoakan keampunan buat ahli keluarga bukan Islam yang telah meninggal dunia. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan ketika mualaf menziarahi kematian hubungan yang harmoni akan terjalin sekiranya pihak keluarga memahami perbezaan agama. Manakala hubungan tegang akan terbentuk sekiranya pihak keluarga tidak memahami keterikatan mualaf sehinggakan keluarga bertindak memaksa mualaf melakukan upacara yang bercanggah dengan Islam dan memulaukan mualaf. Kajian ini diharapkan sebagai pendedahan kepada pihak bertanggungjawab untuk membantu mualaf dalam isu kekeluargaan berkaitan upacara kematian.

*Kata kunci: interaksi, upacara, kematian, mualaf India.*

### **ABSTRACT**

Every religious belief has its own religious practice, including the practice of funeral rites. Their funeral rites practices are different for each one as it is based on their own religious beliefs. Islam prohibits any religious actions that resembles of any non-Islamic religions. In the case of funeral rites, generally Mualafs faces dilemma regarding their commitment to the funeral rites of their non-Muslim family. Therefore, this study aims to analyse the mualaf's interaction with his non-Muslim family members during the funeral rites. This is a qualitative study, using content analysis methods and semi-structured interviews with 13 Indian nationals who are studying at the Darul Hidayah Complex (KDH), Sentul. The data collected was analyzed descriptively and thematically. The study discovered that some of the mualaf are no longer involved in religious ceremonies prohibited by Islam but are still attending their non-muslim family's funeral rites. However there are also some muallaf whom continuously perform the funeral rites ceremonies. Some of them are also praying forgiveness for their non-muslim's family members death. As a conclusion, the research implication suggested that harmonious relationship between the muallaf and his non-muslim family members will exist if both parties understand the concept of differences between both religious belief that should be respected.

*Keywords : interacts, rituals, funeral, Indian mualaf*

## PENDAHULUAN

Kematian adalah suatu perkara yang pasti berlaku kepada setiap insan yang dilahirkan di dunia ini. Bahkan hidup dan mati adalah dua perkara yang bertentangan dan tidak boleh berlaku secara serentak dalam suatu masa. Oleh itu, petanda kehidupan ditunjukkan menerusi pergerakan, manakala tanda utama kematian pula adalah terhentinya pergerakan tubuh manusia. Apabila berlaku kematian menjadi tanggungjawab orang yang masih hidup untuk menguruskan si mati terutama ahli keluarga akan berkumpul bersama-sama saling bantu membantu untuk meringgankan beban waris si mati ketika menguruskan jenazah sehingga dikebumikan.

Setiap kaum atau agama di dunia ini memiliki sistem budaya dan adat yang tersendiri dalam menguruskan kematian. Misalnya dalam agama Islam menguruskan jenazah merupakan fardu kifayah dan wajib disempurnakan. Sebelum jenazah itu dikebumi perlu menyelesaikan beberapa perkara yang ditetapkan oleh syarak iaitu memandi, mengkafan, dan mengsolatkan ke atas jenazah tersebut. Bahkan anutan agama lain sekalipun menguruskan jenazah merupakan penghormatan terakhir bagi orang yang hidup kepada orang yang telah mati. Sebagai contoh masyarakat Hindu mempunyai beberapa bahagian terpenting perlu diuruskan sebelum mayat itu dikebumi iaitu memandi dan menghias mayat (M.Rajantharan 1994).

Apabila berlaku konversi agama, sebenarnya muafaf menghadapi konflik untuk mengadaptasikan budaya berlainan agama. Ini kerana, kesan pemeluk Islam telah merubah rutin kehidupan seseorang itu (Azarudin et al 2015). Perubahan cara hidup tersebut menimbulkan isu yang merunsingkan dalam kalangan muafaf kerana berlaku salah faham terutama dalam memahami penerimaan Islam terhadap budaya agama lain. Hal ini dibuktikan daripada kajian-kajian telah dijalankan oleh para sarjana, antaranya Lam (2005) mendedahkan beberapa isu besar yang timbul terhadap pembinaan semula hubungan keluarga saudara Islam dengan keluarga bukan Islam iaitu permasalahan budaya, aplikasi suruhan dan larangan agama Islam dan pembangunan identiti. Suhaila Abdullah (2006) turut menyatakan perkara yang sama sememangnya golongan muafaf menghadapi beberapa masalah antaranya kecelaruan identiti, perubahan budaya hidup, mempunyai kelemahan ilmu agama, kesukaran untuk memahami Islam dan salah faham terhadap Islam. Manakala kajian lain seperti Suraya (2012) menjelaskan muafaf berdepan dengan permasalahan yang melibatkan isu keagamaan dan kemasyarakatan. Begitu juga menurut Noor Erma (2015) muafaf seringkali berhadapan dengan pelbagai masalah seperti kecelaruan identiti, lemah interaksi sosial, serta mempunyai kesukaran dalam memahami

al-Quran yang berkaitan dengan tingkah laku untuk dijadikan panduan.

Sejajar dengan itu, sekiranya berlaku kematian dalam kalangan ahli keluarga muafaf akan mengalami kesukaran untuk berinteraksi. Ini kerana upacara pengebumian agama lain mengandungi ritual-ritual yang bertentangan dengan syariat Islam, dalam masa yang sama muafaf tersebut mempunyai hubungan kekeluargaan yang perlu dijaga. Antara ritual yang bertentangan dengan Islam seperti pemujaan terhadap si mati, pembakaran mayat, terdapat bacaan-bacaan yang menyalahi syariat Islam dan bagi masyarakat India mereka mempercayai konsep kelahiran semula iaitu kematian ibarat sedang tidur dan mereka akan bangun selepas tidur (Zawiah Ahmad et al 2005). Bagaimanapun, pada dasarnya Islam meraikan adat dan budaya antara kaum dengan syarat tiada pertentangan dengan Islam. Maka, adat dan budaya kaum masing-masing harus diamalkan (Mohammad Nidzam 2017). Siti Nurul Izza (2017) menggariskan bahawa penerimaan sesuatu budaya itu selagi tidak melampaui batas yang ditetapkan syarak. Oleh itu, muafaf perlu memahami dan berwaspada terhadap ritual kematian yang bertentangan dengan Islam, supaya tidak berlaku sebarang tindakan yang menyalahi syarak.

Umumnya artikel ini mengfokuskan tentang muafaf India. Hal ini ditegaskan kerana muafaf India adalah antara kaum ketiga yang terbesar di Malaysia, fenomena pemeluk Islam tidak terkecuali dari kaum India sendiri. Hakikatnya muafaf India juga mempunyai konflik kekeluargaan untuk menerima perubahan budaya agama yang berbeza. Sebagaimana Syarul Azman et.al (2017) mendedahkan dalam kajian temu bual yang dilakukan, bahawa muafaf India yang beragama Hindu menghadapi masalah yang banyak melibatkan ahli keluarga bukan Islam. Begitu juga, Razaleigh Muhamat et.al (2014) turut menyatakan bahawa muafaf India mempunyai dilema untuk mengamalkan budaya sebagai orang Muslim kerana mereka merupakan golongan Muslim minoriti. Ini kerana apabila mereka memeluk Islam sikap mereka juga akan berubah secara drastik. Disamping perubahan akidah, mereka juga perlu merubah budaya mereka bersesuaian dengan budaya Muslim.

Justeru, artikel ini mengkaji bagaimanakah hubungan interaksi muafaf dengan ahli keluarga ketika berlaku kematian. Dapatan kajian ini adalah berdasarkan temu bual yang telah dilakukan. Bagaimanapun, kajian ini adalah sebagai pendedahan awal kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap muafaf. Disamping kajian ini juga adalah untuk melestarikan keharmonian hubungan kekeluargaan walaupun berlainan agama, iaitu dengan memahami prinsip agama masing-masing.

## INTERAKSI DENGAN ADAT DAN BUDAYA BUKAN ISLAM MENURUT SYARAK

Budaya menurut Kamus Dewan adalah suatu tamadun, kemajuan fikiran, akal budi atau cara berfikir, berkelakuan dan sebagainya. Oleh itu, setiap agama atau bangsa di dunia ini memiliki sistem kebudayaan hidup dan amalan tersendiri yang dipersembahkan mengikut amalan agama masing-masing. Misalnya di Malaysia masyarakat Melayu memiliki sistem kepercayaan yang telah dicernakan daripada beberapa fahaman dan kepercayaan seperti animisme, Hindu-Budha dan juga pengaruh agama Islam (Syamsul Azizul 2018). Kebiasaan budaya sering dikaitkan dalam kehidupan manusia seperti perayaan, sambutan hari kebesaran agama, dan kematian. Oleh kerana di Malaysia mempunyai pelbagai kaum dan anutan, maka terjadinya penglibatan kebudayaan antara kaum dan agama. Dengan kata lain, di Malaysia pelbagai program telah dianjurkan melibatkan budaya kaum yang berbeza seperti Gong Xi Raya (antara Tahun Baru Cina dan Aidilfitri), Deepa Raya (antara Deepavali dan Aidilfitri). Selain itu, sambutan perayaan tiap kaum dan agama, menghadiri upacara keagamaan di rumah ibadat dan sebagainya. Menurut Mohd Farhan et.al (2014) walaupun dasarnya program ini adalah bertujuan positif untuk meningkatkan perpaduan antara kaum, tetapi melibatkan ketetapan hukum Islam yang wajar diambil kira. Ini kerana matlamat yang baik tidak menghalalkan semua cara. Ia perlu merujuk kepada panduan syariat Islam ketika berhubung dengan agama lain.

Bagi orang Islam, kemesraan dalam pergaulan dengan orang bukan Islam adalah dianjurkan oleh agama Islam sendiri, sebagai langkah untuk mempamerkan bahawa Islam tidak memusuhi agama lain. Ini kerana Islam bukanlah agama yang ekstrem dan pelopor keganasan, bahkan Islam adalah ajaran yang harmoni dan damai serta saling nasihat menasihati antara satu sama lain (Zahari Mahad 2011). Fauzi Yusof (2004) turut menjelaskan mengadakan perhubungan kemasyarakatan dengan orang bukan Islam sangat dituntut oleh agama Islam dengan syarat orang Islam tidak melahirkan kesetiaan (wala') kepada mereka. Perhubungan kemasyarakatan ini supaya keindahan dan keharmonian Islam terseluh pada pandangan mereka sekaligus mencuit hati mereka untuk memahami dan menganut ajaran Islam. Sebenarnya, al-Quran juga memberi kelonggaran kepada umat Islam untuk menjalinkan hubungan mesra dengan orang bukan Islam selagi mereka tidak memusuhi Islam. Hal ini dijelaskan dalam surah al-Mumtahanah, 60:8 Allah berfirman:

لَا يَنْهَىٰ عَنْكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُم مِّن دِينِكُمْ أَنَّ تَبَرُّوهُمْ وَيُقْسِمُوا بِالنَّبِيِّمْ إِنَّ اللَّهَ مُبْتَلٍ بِمُؤْمِنِيكُمْ

Maksudnya: “Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu) dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil”

Secara jelasnya, hukum asal bagi interaksi sosial dalam budaya orang bukan Islam adalah harus. Hukum ini bertukar menjadi haram apabila wujud dalil syarak yang menjelaskan keharamannya. Keharusan ini perlu difahami dengan beberapa asas utama. Antaranya:

### Sabda Nabi SAW:

الْحَلَالُ مَا أَحَلَّ اللَّهُ فِي كِتَابِهِ، وَالْحَرَامُ مَا حَرَّمَ اللَّهُ فِي كِتَابِهِ، وَمَا سَكَتَ عَنْهُ فَهُوَ مَا عَفَا عَنْهُ.

Maksudnya: “Halal ialah apa yang Allah halalkan dalam al-Quran. Haram ialah apa yang Allah haramkan dalam al-Quran. Apa-apa perkara yang Allah diamkan maka ia daripada perkara yang Allah maafkan (al-Tirmidzi no: 172)”.

Asas keharusan untuk orang Islam berinteraksi dengan bukan Islam boleh difahami melalui kaedah fiqh. Kaedah itu menyatakan:

الأصل في الأشياء الإباحة.

Maksudnya: “Hukum asal dalam sesuatu perkara adalah harus (al-Sayuti 1938)”.

Menurut Mohamad Nidzam (2017) interaksi sosial mempunyai kebaikan. Antaranya mewujudkan kerharmonian dan sikap bantu membantu hal ini sejajar dengan kaedah fiqh yang menetapkan:

الأصل في المنافع الإذن، وفي الضر المنع.

Maksudnya: “Hukum asal dalam perkara yang bermanfaat ialah keizinan, dan (hukum asal) dalam perkara yang memudarat ialah tegahan (al-Dawayhi 2007)”.

Oleh itu, menurut Muhammad Nidzam (2017) dapat disimpulkan bahawa keharusan dalam intraksi sosial antara orang Islam dan bukan Islam berdasarkan keadah tersebut iaitu:

الأصل في التعامل الاجتماعي الإباحة حتى يدل الدليل على التحريم.

Maksudnya: “Hukum asal dalam interaksi sosial adalah harus hingga wujud dalil yang mengharamkan.

Meskipun Islam mengharuskan untuk berinteraksi dengan orang bukan Islam, Namun beberapa perkara yang perlu dititikberatkan oleh orang Islam. Antaranya adalah larang menyerupai (*al-tashābuh*) setiap amalan orang kafir atau perbuatan yang bertentangan dengan Islam. Seperti dijelaskan oleh al-Ghamidi (t.th) bahawa Nabi SAW melarang dengan tegas meniru amalan orang bukan Islam. Ini kerana sesiapa yang meniru orang fasik atau bukan Islam atau orang berbuat bid'ah dalam perkara yang dikhususkan oleh mereka atau selainnya, maka dia akan menjadi sebahagian daripada mereka. Oleh itu, orang Islam perlu mempunyai prinsip yang tegas dan jelas ketika

berinteraksi dengan orang bukan Islam supaya tidak berlaku tindakan yang menyalahi syarak yang boleh merosakan aqidah umat Islam.

## HUKUM INTERAKSI MUALAF DENGAN KELUARGA BUKAN ISLAM DALAM UPACARA PENGEBUMIAN JENAZAH

Tidak dinafikan bahawa setiap manusia ingin melakukan yang terbaik untuk ahli keluarga mereka, terutama apabila berlaku kematian. Ini kerana kematian merupakan perpisahan yang abadi antara orang yang hidup dengan orang yang mati. Sebagai tanda penghormatan terakhir kepada si mati adalah menguruskan kematiannya sebaik mungkin. Meskipun begitu, bagi mualaf walaupun kasih terhadap keluarga bukan Islam sentiasa ada, namun perbezaan anutan agama menyebabkan mereka mempunyai batasan ketika menguruskan upacara pengebumian jenazah ahli keluarga bukan Islam. Justeru, perbincangan hukum berkaitan interaksi mualaf dengan keluarga bukan Islam dapat dibahagikan beberapa bahagian seperti berikut:

### a. Solat ke Atas Jenazah Bukan Islam

Di dalam agama Islam solat keatas jenazah merupakan salah satu kewajipan yang perlu dilakukan sebelum jenazah itu dikebumikan. Al-Shirāzī (1992) menjelaskan tujuan solat jenazah itu adalah untuk memohon keampunan. Bagi mualaf kematian ahli keluarga yang bukan Islam misalnya ibu bapa atau anak-anak, diharamkan solat keatas mereka. Fuqaha telah ijmak mengharamkan bagi seorang yang beragama Islam solat ke atas jenazah bukan Islam kerana syarat sah solat jenazah itu mesti beragama Islam (al-Nawawī t.th). Dengan makna kata lain, tidak ada istilah solat jenazah kepada orang bukan Islam.

### b. Memandi, mengkafan, mengiringi dan mengebumikan jenazah bukan Islam

Berkaitan hukum memandi, mengkafan, mengiringi dan mengebumikan jenazah bukan Islam, Para fuqaha berbeza pandangan kepada dua pendapat, iaitu pendapat pertama yang mengharuskan jika perlu dan pendapat kedua menghukumkan haram walaupun daripada kalangan ahli keluarga sendiri. Pandangan yang mengharuskan dipelopori daripada jumhur fuqaha Hanafi, Shafie (Al-Nawawī t.th) dan Hanbali (Ibn Qudāmah 1997). Hukum keharusan tersebut mestilah jika perlu sahaja seperti tidak ada orang lain menguruskannya atau ditakuti mayat itu akan binasa jika tidak diuruskan (Al-Uthmāni 2012). Pandangan ini berdalilkan hadis Rasulullah SAW:

عن علي رضي الله عنه: أنه أتى النبي صلى الله عليه وسلم فقال: إن أبا طالب مات. فقال: "أذهب فواره" قال: إنه مات مشركاً. قال: "أذهب فواره" فلما واريته رجعت إليه، فقال لي: "اغتسل".

Maksudnya: Ali bin Abu Talib RA telah datang menemui Rasulullah SAW dan berkata: Abu Talib telah meninggal dunia Nabi berkata kepadanya "Pergilah dan tutuplah jenazahnya". Ali berkata: "Bukankah ia mati dalam keadaan musyrik". Rasulullah SAW mengulangi kata-katanya: "Pergilah dan tutuplah jenazahnya". Ia pun pergi dan menutupi jenazah Abu Talib, lalu ia kembali menemui Rasulullah SAW. Nabi berkata pula kepadanya: "Mandikan jenazahnya".

Manakala pendapat kedua, tidak harus memandi, mengkafan, mengiringi dan mengebumikan jenazah bukan Islam adalah satu pandangan daripada Imam Malik (al-Ashbahī 1994). Ibn Rushd (2004) juga mengatakan pendapat ini adalah yang masyhur daripada Imam Ahmad. Hujah pandangan ini adalah berdasarkan firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَوَلَّوْا قَوْمًا غَضِبَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ قَدْ يَئِسُوا مِنَ الْآخِرَةِ كَمَا يَئِسَ الْكُفَّارُ مِنْ أَصْحَابِ الْقُبُورِ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu memberi wala' kepada mana-mana kaum yang dimurkai Allah SWT, mereka telah berputus asa daripada mendapat kebaikan akhirat, sebagaimana berputus asa orang-orang kafir yang ada di dalam kubur. (al-Mumtahanah 13).

Walau bagaimanapun, relevannya bagi masyarakat di Malaysia menghadiri majlis pengebumian ahli keluarga bukan Islam yang tidak memusuhi Islam adalah diharuskan. Bahkan menurut Mufti Wilayah Persekutuan Zulkifli Mohd Bakri (2016) ianya merupakan *qiyas al-aula* bagi perkara ini adalah jika memandi, mengkafan dan mengebumikan jenazah bukan Islam pun dibolehkan oleh syarak, maka sekadar menghadiri majlis pengebumian bukan Islam, semestinya tidak menjadi satu kesalahan. Namun beberapa saranan yang perlu dititikberatkan oleh mualaf iaitu:

1. Tidak ber'tikad dengan agama selain Islam.
2. Tidak terbabit dalam upacara-upacara yang berkait rapat dengan amalan keagamaan.
3. Sentiasa menzahirkan akhlak yang mulia supaya dapat diperlihatkan keindahan Islam itu sendiri.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk lapangan dan kepustakaan. Peserta kajian ini adalah saudara baru berbangsa India sahaja yang telah memeluk Islam dan mengikuti pengajian agama di Kompleks Darul Hidayah. Seramai 13 orang dipilih untuk kajian ini dikira mencukupi untuk tujuan kes yang berbentuk kualitatif. Temu bual separa berstruktur dilakukan dengan cara *focused interview* agar wujud perkongsian pengalaman responden dan pengkaji

(Ahmad 2009). Sebagai saranan yang telah diberikan oleh Nurulhuda dan Ramlee (2009) penulis menggunakan kod Resp # 1 hingga Resp # 13 sebagai ganti nama peserta kajian untuk menjaga kerahsiaan responden dan memudahkan analisis. Kajian kes yang berbentuk kualitatif dengan saiz sampel yang kecil (n=13) ini tidak bertujuan untuk melakukan generalisasi hasil dapatan kajian kepada mana-mana populasi. Bentuk soalan yang ditanya adalah berkisar kepada tingkah laku mualaf apabila menziarahi ahli keluarga sewaktu upacara kematian.

## HASIL KAJIAN

### a. Menghadiri Upacara Pengkebumian Jenazah Tanpa Melibatkan Diri Dengan Upacara

Sebahagian responden tidak ada sebarang masalah ketika menziarahi kematian ahli keluarga bukan Islam, bahkan mereka menunjukkan sikap berhati-hati apabila perkara berkaitan dengan agama, kerana semestinya mempunyai batasan tertentu. Hal itu menjadi alasan utama sebahagian responden memilih untuk tidak menyertai sebarang upacara tersebut, namun demi menjaga hati keluarga bukan Islam responden masih menghadirkan diri apabila berlaku kematian. Ekoran itu, tidakan responden dapat diterima baik oleh ahli keluarga, sehinggakan mereka memahami keterikatan mualaf dengan agama Islam dan wujud hubungan yang saling menyokong. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan penceritaan berikut:

“Mereka tahu saya memeluk Islam...dan mereka tak suruh saya buat adat Hindu, so saya hanya ziarah tengok...lepas tengok sembang dengan saudara mara...saya buat biasa-biasa la (Resp #2)

“Saya hadir tapi upacara tu tak boleh buat laaa...” (Resp #4)

“Suami saya punya mak meninggal ada ziarah... saya tengok saja dia (keluarga) buat apa saya keluar la... saya sudah tahu masuk Islam tidak boleh ikut dia (keluarga) pun tidak ada panggil saya” (Resp #7)

“Bila diaorang bagitahu... saya pergi ke tempat tu... duduk-duduk luar tak involve la... just tunjuk muka kita kat sana orang boleh tahu kita ada kat sana la... tapi tak involve apa-apa la” (Resp #8)

Hakikatnya, Islam menekankan hubungan kekeluargaan sesama ahli sebagai satu amanah. Pihak keluarga sewajarnya menggalas tanggungjawab dengan patuh dan saksama dalam mewujudkan kedamaian hidup keluarga. Mengikut konsep keluarga Islam, tanggungjawab dan penjagaan terhadap ahli keluarga merupakan sedekah yang akan diberi ganjaran oleh Allah SWT. Di samping itu, ahli keluarga turut membantu untuk memenuhi keperluan kehidupan dan mengurangkan kesusahan antara satu sama lain (A'dawiyah Ismail 2011). Meskipun, terhalang daripada menyertai upacara kematian ahli keluarga bukan Islam, namun bantuan masih dihulurkan kepada ahli keluarga yang berbeza agama

sama ada dari segi keewangan dan batuan-bantuan lain. Sebagai mana diceritakan dari hasil temu bual:

“kalau nak minta tolong saya tolong..tapi tak ada la menyembah dan membuat adat-adat yang mereka buat saya tak buat lah” (Resp #2)

“saya bagi duit la untuk upacara” (Resp #9)

Oleh itu, hubungan yang baik antara ahli keluarga dan responden menunjukkan nilai tolenrasi agama yang tinggi. Biarpun berbeza agama masih dapat menjalinkan kehidupan yang harmoni antara satu sama lain. Upacara kematian bukanlah hari untuk keruhkan lagi keadaan, namun hari yang saling membatu sesama ahli keluarga menguruskan si mati.

### b. Menghadiri dan Menyertai Upacara

Perbezaan agama yang mempunyai ciri-ciri yang tersendiri memanasifestasikan keragaman budaya dalam kehidupan penganutnya (Azarudin Awang 2015). Nazneen Ismail et. al (2018) menyatakan dalam hal berkaitan budaya, selagi mana unsur luar itu tidak mencemarkan ketulenan agama maka ia boleh disesuaikan dan diasimilasikan dalam masyarakat Islam. Meskipun begitu, Islam tidak mengiktiraf sebarang bentuk sinkretisme dalam urusan agama dan peribadatan. Hujahnya adalah seperti yang ditegaskan dalam surah al-Kafirun, ayat 1-6, melalui ayat ini Rasulullah s.a.w diperintahkan untuk secara tegas menyatakan keengganan Baginda bersama-sama orang kafir dalam penyembahan mereka. Berkaitan dengan itu, beberapa perkara juga perlu dititikberatkan oleh orang Islam. Antaranya adalah larangan menyerupai (*al-tasyabuh*) setiap amalan orang kafir atau perbuatan yang bertentangan dengan Islam. Seperti dijelaskan oleh al-Ghamidi (t.th) bahawa Nabi SAW melarang dengan tegas meniru amalan orang bukan Islam. Ini kerana sesiapa yang meniru orang fasik atau bukan Islam atau orang berbuat bid'ah dalam perkara yang dikhususkan oleh mereka atau selainnya, maka dia akan menjadi sebahagian daripada mereka. Justeru, orang Islam perlu mempunyai prinsip yang tegas dan jelas ketika berinteraksi dengan orang bukan Islam supaya tidak berlaku tindakan yang menyalahi syarak yang boleh merosakkan aqidah umat Islam.

Realiti yang berlaku masih terdapat mualaf yang menyertai upacara kematian apabila menziarahi ahli keluarga bukan Islam. Perkara ini dilihat punca utama adalah bimbang pengislamannya akan terbongkar, responden terpaksa membelakangi syarak melakukan amalan upacara ketika menziarahi kematian ayahnya. Menurut responden saat pulang ke kampung beliau tidak memakai tudung, serta melakukan upacara sebagai seorang anak seperti mengelilingi jenazah dan seumpamanya. Hal ini dibuktikan sebagaimana ujaran berikut:

“Saya terpaksa balik kampung tanpa pakai tudung tapi saya tak pakai ni (sambil tunjuk di dahi) kalau saya balik dengan imej bertudung adik beradik, saudara mara mereka tak akan benar dekat dengan jenazah tak dapat sentuh tak dapat nak peluk dan mereka sangat-sangat

menentang la agama Islam. Mungkin saya akan dibunuh juga dekat situ so saya terpaksa dengan imej asal dan ikut la upacara diaorang ritual-ritual so saya buat yang penting dan ringgan je contoh keliling keranda 3 kali, Bila keranda masuk dalam van keliling 3 kali pula, lepas tu mereka akan jirus saya dengan air lepas tu dia pakai kalungan bunga itu saja. Yang selebihnya dari itu macam kena sembah gambar kena bakar colok saya tak buat, saya bagi alasan sebab saya uzur bila uzur tak boleh buat upacara” (Resp #12).

Selain itu walaupun tanpa ada sebarang bentuk keterpaksaan dari mana-mana pihak, masih ada muafak yang melakukan upacara dengan rela hati. Alasannya adalah kerana tanggungjawab sebagai seorang anak. Seperti mana dijelaskan melalui hasil temu bual dibawah:

“Saya ikut je dia punya tu saya tahu salah tapi saya tak ada niat saya buat je mak saya kan. tapi saya tak pergi sampai kubur la. Apa dia suruh saya buat kita buat la dia suruh pusing kita pusing la dia bagi taruk beras tu kita buat je tapi dengan zero attention.” (Resp #13).

#### c. Mengelak Daripada Terlibat Dalam Upacara Pengkebumian Jenazah

Dalam hubungan kekeluargaan, hubungan yang tegang biasa terjadi kerana adanya perbezaan kepercayaan dan pemikiran. Ternyata konflik akan terus berlaku selama egoisme tetap dipertahankan dengan merasakan tidak ada keperluan untuk memahami perbezaan yang ada dalam agama orang lain (Azaruddin 2015). Menurut Syarul Azman et al (2017) dalam kajian beliau kesukaran yang timbul ketika berinteraksi dengan ahli keluarga adalah bergantung kepada sifat ahli keluarga muafak itu sendiri. Sekiranya ahli keluarga terutama ibu bapa yang terlalu mengambil berat tentang isu agama dan ingin memastikan seluruh ahli keluarga kekal dan mengikuti ajaran agama asal maka kesukaran yang dihadapi oleh seseorang muafak lebih ketara sehingga timbul isu-isu seperti penyingkiran dan pemulauan ke atas diri muafak bahkan dihalau dan tidak dibenarkan pulang ke rumah. Begitu juga, perkara yang hampir sama terjadi kepada muafak India. Berdasarkan hasil temu bual, isu yang timbul dapat diklasifikasikan beberapa keadaan seperti hubungan tegang antara muafak dengan ahli keluarga bukan Islam dan tidakakan muafak mengelakkan diri terlibat dalam upacara pengebumian.

Terdapat muafak yang nekad mengelakkan diri daripada menghadiri upacara pengebumian, pelbagai alasan yang telah diguna oleh responden. Senario ini dapat dilihat, antara alasan yang digunakan oleh responden iaitu melambatkan waktu ziarah untuk sampai ke rumah ahli keluarga yang meninggal semata-mata tidak mahu terlalu lama untuk berada di majlis pengebumian keluarga bukan Islam. Menurut responden punca beliau mengelak daripada menyertai sebarang upacara adalah kerana beliau telah memeluk Islam. Tambahan pula, Pengislaman masih belum diketahui oleh seluruh ahli keluarga menyebabkan beliau lebih memilih untuk mengelakkan diri dari

hadir ke upacara pengebumian ahli keluarga bukan Islam, pendek kata tidak menghadiri upacara pengebumian lebih baik, agar pengislamannya tidak dihidu oleh pihak keluarga dan tidak perlu terlibat dengan adat dan ritual kematian agama mereka. Hal ini lebih jelas berdasarkan penceritaan sebagaimana berikut:

“Orang hindu memang banyak buat upacara-upacara... saya sengaja akan lambatkan pergi ziarah... kalau saya tak buat upacara mesti dia orang akan paksa walaupun saya dah convert...ramai yang tak tahu... macam mak adik tahu... tapi adik lelaki tak tahu... tapi saya bagi duit la untuk upacara... pernah berlaku kematian... saya ke Kuantan diaorang bagitahu, sepatutnya boleh datang seawal 45 minit boleh sampai... tapi saya sengaja buat lambat saya dah pergi malam...biasa orang Hindu bila meninggal dia akan simpan satu hari macam saudara malam-malam dia nak nangis... tepat jam 1.00 dia nak pergi tapi saya sengaja pergi jam 12.30 sebab banyak diaorang nak buat upacara saya tak nak terlibat sebab saya dah masuk Islam.. saya takut ada orang tengok habis saya”. (Resp #9)

Selain itu, terjadinya hubungan yang rengang menyebabkan muafak merasakan dirinya seperti orang asing di dalam ahli keluarga sendiri, meskipun ketika berhadapan dengan hari yang paling sedih iaitu hari kematian. Ahli keluarga bukan Islam telah memulaukan diri responden dan lebih mengeruhkan lagi keadaan apabila mereka memandang dengan pandangan yang sinis. Menurut responden adat bagi orang Hindu mereka akan menangis sambil mengadu kebaikan si mati kepada ahli keluarga terdekat. Namun yang terjadi kepada resp #10 ketika menziarahi kematian ahli keluarga, mereka hanya sekadar tegur dan tidak menghiraukan kehadirannya. Pengalaman ini diceritakan seperti berikut:

“Saya pergi macam biasa tapi tak boleh buat apa-apa...tapi pandangan diaorang pun pandang macam cukup syarat je...dia tak ada la sampai nak mengadu dekat kita...biasa kalau hindu diaorang kan menangis cakap dulu dia (si mati) buat macam ni dekat kau dia sayang kau...bila dah masuk Islam dia jadi rengang la...diaorang sekadar tegur je”. (Resp # 10)

Keadaan menjadi lebih buruk, apabila wujud dalam ahli keluarga bukan Islam bukan sahaja menunjukkan sikap yang tegang. Bahkan mereka memaksa muafak sehingga bertindak melakukan kekerasan semata-mata ingin muafak melakukan ritual kematian agama mereka. Responden dipaksa untuk membuka tudung supaya dapat menyertai ritual kematian agama mereka. Tambahan, responden juga dimalukan dan dihalau keluar daripada rumah sewaktu menziarahi kematian. Perkara ini dilihat punca utama adalah kesukaran daripada pihak keluarga bukan Islam untuk menerima perbezaan agama, apatah lagi tentangan tersebut datang dari tokoh yang dihormati dalam keluarga iaitu bapa. Konflik yang berlaku hakikatnya menimbulkan trauma dalam diri responden, pada peringkat awal kesan trauma tersebut menyebabkan responden nekad mengambil keputusan untuk tidak menghadirkan diri

apabila berlaku kematian yang lain. Pengalaman ini dicerita berdasarkan transkrip berikut:

“Selepas I convert family saya dah empat orang meninggal dalam masa 20 tahun ni first kakak saya meninggal saya pergi la dengan syaratnya saya memang bagitahu mak saya taknak buka tudung (jilbab)...sebab dulu I pakai tudung (Jilbab) labuh I pakai purdah I belajar pondok... I cakap I taknak buka tudung (Jilbab) satu lagi I taknak buat adat...sampai sana diaorang paksa I buat adat...memang dipaksa la mak dan kakak ipar saya janji tak perlu buat adat tapi setelah I sampai sana berubah, ayah saya paksa buat adat...dia (Ayah) suruh sapu minyak apa saya taknak buat, pastu (lepas itu) dia tolak saya depan-depan tetamu semua...tarik tudung (Jilbab) saya, dia tolak saya sampai tak pakai selipar tepi jalan...dia (Ayah) kata awak tak boleh buat adat awak keluar dari sini! jadi waktu mak meninggal saya tak pergi, anak kakak meninggal pun tak pergi...sebab saya takut benda tu berulang balik dengan saya dan last ayah meninggal saya pergi...because dia lah punca berlaku pergaduhan...Ayah saya meninggal, saya menghadiri saja sebab itu pun saya bagi syarat dengan abang, ayah meninggal saya pergi saya memang taknak buat adat...I pakai tudung (Jilbab), dia kata boleh tak tolong tanggalkan tudung (Jilbab)? saya kata tak boleh...dia kata kenapa? Islam Indian Muslim pun tak pakai tudung (Jilbab)...satu hari saja buka...saya kata tak boleh, I nak pakai...abang long banyak call la dia minta tolong satu hari je...saya cakap abang ngah saya taknak datang sebab abang long dah banyak kali call I marah dan I taknak pergi I takut...dan abang ngah janji tak apa la I tolong you bantu you tak payah buat adat tak payah buang tudung (Jilbab) datang macam ni je...abang ngah support I la...I pergi pun tak buat adat just duduk tengok ayah saya dalam satu jam duduk sana orang lain buat adat...after adat semua saya balik”.  
(Resp #11)

Berdasarkan pengalaman tersebut dapat dilihat ketegangan yang terjadi dapat diubati apabila pengaruhnya sudah tidak ada. Menurut Azaruddin et al (2015) apabila orang yang berpengaruh dalam keluarga ini meninggal dunia, responden tidak lagi berhadapan halangan yang besar untuk menjalin hubungan yang baik dengan ahli keluarga bukan Muslim yang lain.

#### d. Belum Berpengalaman Menziarahi Jenazah Keluarga Bukan Islam

Sebahagian responden yang lain, selepas memeluk Islam mereka masih belum pernah berhadapan dengan kematian ahli keluarga bukan Islam. Bagaimanapun, usaha untuk menjalin hubungan yang baik sentiasa dilakukan. Alasannya kerana walaupun berbeza agama hubungan keluarga tidak akan terputus. Justeru, sekiranya berlaku kematian responden memilih untuk menghadirkan diri menziarahi upacara pengebumian. Perkara ini dinyatakan oleh responden di bawah sebagaimana berikut:

“Kaum kerabat terdekat memang belum ada lagi...tapi family kalau meninggal pun diaorang tak akan bagitahu saya sebab diaorang memang tak suka yang saya memeluk Islam...kalau berlaku kematian saya akan pergi juga, bukannya agama Islam suruh putuskan

hubungan...Cuma benda haram tu kita tak perlu buat la”  
(Resp #3)

“Belum ada kematian, kalau ada kematian saya hadir tapi upacara tu tak boleh buat laa”. (Resp #4)

“Setakat ini belum terlibat kematian lagi...saya akan hadir sebab hubungan tak putus” (Resp #5)

“Selama memeluk Islam belum ada lagi meninggal...kalau berlaku kematian memang saya hadir, kalau bapa saya meninggal selaku anak saya hadir, tapi upacara tu saya tak buat la...Cuma berdiri saja tengok” (Resp #6)

#### e. Mendoakan anggota keluarga bukan Islam

Setiap manusia menginginkan yang terbaik untuk ahli keluarga, dan antara cara yang dianjurkan oleh Islam adalah mendoakan kesejahteraan dan kesihatan yang baik bagi ahli keluarga yang masih hidup, dan mendoakan kempunan bagi ahli keluarga yang telah meninggal dunia. Namun mendoakan kepada ahli keluarga bukan Islam hukumnya berbeza. Ulama bersepakat mendoakan kepada golongan bukan Islam untuk mendapat hidayah adalah harus dan dibenarkan. Bahkan Imam al-Bukhari telah meletakkan satu bab membicarakan tentang mendoakan untuk orang bukan Islam mendapat hidayah agar dijinakkan hati mereka. Menurut Sarip Abdul (2015) Sheikh ‘Athiah Shaqr mantan Mufti kerajaan Mesir berpandangan harus mendoakan keampunan untuk mereka yang masih hidup dengan harapan mereka memperoleh hidayah daripada Allah SWT.

Berdasarkan temu bual yang telah dilakukan, terdapat responden selepas memeluk Islam sudah tidak lagi mendoakan ahli keluarga bukan Islam, kerana mereka sudah jelas tentang larang dan batasan hukum yang harus dan haram ketika mendoakan ahli keluarga bukan Islam. Penceritaan ini dilihat seperti berikut:

“Saya tidak doa setakat ini...ustaz ada bagitahu kalau keluarga memeluk Islam boleh kita doakan, kalau tidak memeluk Islam doa itu tak sampai...so kita tak doa la”.  
(Resp #6)

Selain itu, terdapat responden yang masih mendoakan kepada ahli keluarga bukan Islam yang masih hidup sahaja. Namun perkara yang didoakan tidak menyalahi syarak. Antara bentuk yang sering didoakan seperti kesihatan ahli keluarga, minta rezeki dan memudahkan segala urusan. Hal ini seperti diceritakan pada transkrip berikut:

“saya doakan untuk anak-anak saya la..”. (Resp #2)

“Sentiasa doakan...pertama kita minta kesihatan keluarga, minta rezeki untuk semua dan seisi keluarga saya, adik beradik saya, mudahkan segala urusan mereka...yang dah meninggal tidak ada doa, yang saya doa untuk adik beradik, mak ayah saja”. (Resp #8)

Bagaimanapun, Menurut al-Nawawi (1994) fuqaha bersepakat haram mendoakan kepada bukan Islam yang telah meninggal dunia. Al-Haitamī (2014) juga menjelaskan bahawa haram mendoakan untuk golongan bukan Islam setiap perkara berkaitan dengan

akhirat, begitu juga pada golongan yang terdapat syak pada status Islam mereka walaupun ibubapanya ketika mereka masih hidup. Di samping itu, umat Islam diharam mendoakan keampunan kepada kedua-dua ibu bapa bukan Islam setelah meninggal dunia dan bersedekah amalan baik ke atas roh mereka (al-Wizārah al-Awqaf 2004). Meskipun syarak telah melarang, masih terdapat mualaf yang mendoakan kepada ahli keluarga bukan Islam, seperti mendoakan keampunan dan syurga buat ahli keluarga yang meninggal dunia. Perkara ini dibuktikan berdasarkan hasil temu bual berikut:

“Saya hari-hari doakan saya akan minta suruh ampunkan dosa-dosa mereka dan suruh mereka kembali dekat Islam...kalau yang dah meninggal saya doakan semoga Allah terima dia dekat sisi syurga”. (Resp #3).

### PERBINCANGAN

Dapat dirumuskan bahawa ketika berlaku kematian ahli keluarga bukan Islam, terjadi pelbagai bentuk interaksi yang dihadapi oleh mualaf India akibat berhadapan dengan situasi tatacara agama yang berbeza dan hubungan kekeluargaan yang berbeza. Kebanyakan mualaf sudah tidak lagi terlibat dengan upacara-upacara keagamaan sewaktu kematian ahli keluarga bukan Islam kerana mereka sudah jelas terhadap larangan syarak, walaupun begitu masih terdapat mualaf yang melakukan upacara kerana bimbang akan terjadi hubungan konflik antara keluarga dan mualaf juga merasakan tanggungjawab sebagai seorang anak. Begitu juga mualaf masih mendoakan kepada ahli keluarga bukan Islam yang telah meninggal dunia sedangkan perkara tersebut telah dilarang oleh Islam.

Di samping itu, ketika mualaf menziarahi kematian ahli keluarga bukan Islam ternyata memberi kesan terhadap hubungan kekeluargaan yang boleh dirincikan kepada hubungan yang harmoni dan tegang. Hubungan harmoni terjalin kerana ahli keluarga yang memahami hakikat perbezaan agama. Manakala hubungan yang tegang pula terjadi kerana ahli keluarga bukan Islam tidak memahami perbezaan agama yang membataskan untuk mualaf menyertai sebarang upacara yang berkaitan dengan agama lain dan sikap mualaf sendiri merahsiakan pemelukan Islam. Justeru, untuk mempamerkan tolenrasi yang baik sesama ahli keluarga walaupun berbeza agama perlu kerjasama dari kedua-dua pihak iaitu mualaf dan ahli keluarga bukan Islam. Sungguhpun berlaku hubungan yang harmoni namun hanya pada segelintir, dimana sikap berlapang dada ini memerlukan pemuafakatan yang menyeluruh bagi mengelakkan sebarang bentuk diskriminasi, cemuhan, kebencian seterusnya akan memusnahkan kedamaian dan ketenangan hidup yang berpanjangan.

Bagaimanapun, kajian melihat usaha mualaf menziarahi kematian ahli keluarga bukan Islam bukan bertujuan untuk kembali kepada agama asal tetapi bagi memaparkan sikap mengambil berat terhadap keluarga semasa dan selepas berlakunya kematian.

Selain memupuk hubungan yang baik dengan keluarga asal, dalam masa yang sama perihal ini memberi gambaran yang baik kepada masyarakat bukan Muslim bahawa Islam merupakan agama yang menjaga hubungan kemanusiaan. Dalam amalan menziarahi kematian ahli keluarga bukan Islam matlamatnya adalah murni iaitu merapatkan hubungan persaudaraan dan membetulkan salah faham keluarga terhadap Islam, tetapi kaedahnyanya semesti menepati kepatuhan syariat agama Islam sendiri. Oleh itu, berdasarkan hasil kajian menunjukkan mualaf dan juga keluarganya yang bukan beragama Islam masih perlu difahami tentang perkara-perkara dalam upacara pengkebumian jenazah non-Muslim yang haram dilakukan oleh orang Islam, ke arah kelangsungan hubungan kekeluargaan dan mewujudkan hubungan saling hormat menghormati antara mereka.

### KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan tentang interaksi mualaf India berkaitan upacara pengkebumian yang melibatkan mualaf dan ahli keluarga bukan Islam. Jelas menunjukkan Islam adalah agama yang mempunyai prinsip yang tegas untuk umatnya ketika melibatkan diri dalam upacara agama lain. Walaupun pada hakikatnya penglibatan dalam konteks hubungan kekeluargaan, disebabkan berbezanya agama maka berbeza juga rutin kehidupan. Meskipun begitu, masih terdapat ruang-ruang yang dibenarkan untuk mualaf terus menjalinkan hubungan yang baik dengan keluarga bukan Islam, terutama ketika berlaku kematian, seperti menziarahi ahli keluarga bukan Islam yang meninggal dunia, dan menghulurkan bantuan yang sewajarnya. Hal ini kerana salah satu bentuk interaksi yang harus diambil peluang oleh golongan mualaf untuk menonjolkan kerharmonian Islam walaupun berbeza agama, tetapi Islam masih lagi ada nilai tolenrasi beragama untuk mualaf melibatkan diri dalam upacara kematian keluarga bukan Islam. Namun haruslah tetap atas beberapa prinsip Islam iaitu tidak beritkad membenarkan agama berkenaan dan sekiranya majlis kematian orang bukan Islam terdapat upacara-upacara yang berkait rapat dengan amalan dan keagamaan perlu dihindari oleh orang Islam. Disamping itu, sekiranya ahli keluarga bukan Islam juga dapat memahami perbezaan agama, akan terwujudnya perhubungan kekeluargaan yang harmoni tanpa ada lagi pergaduhan. Ini kerana punca utama tipisnya hubungan antara agama adalah berpunca dari kurangnya memahami perbezaan yang wujud dalam agama orang lain.

### RUJUKAN

al-Qur’ān Karīm

°Abd Allah al-Sa’d al-Ghāmidī, t.th. *Tahdhir al-Muslimin min al-Tashabbuh bi al-Maghdub*



- ‘alayhim wa la’ al-Dāllīn*. t.t.p.: al-Kitābiyāt al-Islāmiyyah.
- Abd al-Rahmān al-Suyūfī. 1938. *al-Ashbāh wa al-Nazā’ir*. Kaheerah: Mustafā al-Ḥalabī.
- A’dawiyah Ismail, 2011. Konsep Keluarga Berkualiti Menurut Islam. *Al-Hikmah* 3 2011: 121-144
- Ahmad Ibn ‘Abdillah, al-Dawayhi. 2007. *Qā’idah al-Aṣl fi al-ashyā’ al-bāḥah*. Riyadh: Jāmi‘at al-Imām Muḥammad Ibn Su‘ūd.
- Ahmad Sunawari Long. 2009. Pengenalan Penyelidikan Islam. Bangi: UKM.
- al-Aṣbahī, Malik bin Anas. 1994. *al-Mudawwanah al-Kubrā*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Azarudin Bin Awang, 2015. Bentuk-Bentuk Hubungan Muslim- Non Muslim Selepas Pemeluk Agama: Kajian Kes Dalam Kalangan Mualaf Cina Terengganu. *Jurnal Kemanusiaan Bil.23*.
- Fauzi Bin Yusoh, 2004. Hubungan Kemasyarakatan Di antara Orang Islam Dengan Orang Bukan Islam Menurut Pandangan Islam. Tesis Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Hāfiz, Ibn Rushd. 2004. *Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtaṣid*. Kaheerah: Dār al-Ḥadīth.
- al-Haitamī, Ibn Hajar. 2014. Tuhfah al-Muhtāj bi syar al-Minhāj. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabi.
- Lam Yuen Yu, Joy. 2005. Religious Conversion and Reconstruction of Identities: The Case of Chinese Muslim Convert in Malaysia. Singapore: Southeast Asian Studies Programme National University of Singapore.
- M. Rajantheran & S. Manimaran. 1994. *Perayaan Orang India*. Selangor: Fajar Bakti.
- al-Maqdisī, Ibn Quḍāmah. 1997. *al-Mughnī*. Riyadh: Dar Kutub Ilmu.
- Mohammad Nidzam Abdul Kadir. 2017. Fiqah Hubungan Etnik. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Mohd Farhan Md Ariffin et al, 2014. Larangan Tasyabbuh Dan Aplikasinya Dalam Interaksi Sosial Dengan Orang Bukan Islam Di Malaysia Masa Kini. *Prosiding Pemikiran Islam IV*, hlm. 72-81.
- al-Nawawī, Abu Zakarīyā. 1991. *Rauḍah at-Ṭālibīn wa Umdah al-Muffīn*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- al-Nawawī, Abu Zakarīyā. t.th. *al-Majmū‘ Sharh al-Muhadhdhab*. Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Nawawī, Abu Zakarīyā. t.th. *al-Majmū‘ Sharh al-Muhadhdhab*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Nazneen Binti Ismail et. al. 2018. Pendekatan Fiqh Ta’ayusy dalam Menangani Konflik Antara Agama. *Jurnal Islamiyyat* 40 (2). 151-160.
- Noor Erma Azila Binti Pawzi, 2015. Aplikasi Terhadap Tingkah Laku Dalam Surah al-‘Araf Oleh Saudara Baru di Hidayah Centre Foundation. Disertasi Master Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Huda Che Abdullah, & Ramlee Mustapha, M. 2009. Kajian Kes Usahawan Tani Industri Kecil Sederhana (IKS) Bumiputera di Negeri Terengganu. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(2), 143-165.
- Razaleigh Muhamat@Kawangit & Salawati Saringat, 2014. Dakwah among Indian Mualaf in Malaysia. *Islamiyyat* 36(2) (2014): 91 – 96.
- Sarip bin Abdul. 2015. Kefahaman Fiqah Interaksi Kekeluargaan Antara Mualaf dan Ahli Keluarga Bukan Islam di Sabah. Tesis Phd Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Shirāzi, Ibrahim bin ‘Alī. 1992. *al-Muhadhdhab fi Fiqh al-Imām al-Shafi‘i*. Beirut: Dār al-Shāmīah.
- Siti Nurul Izza Hashim et.al. 2017. Kelangsungan Budaya Masyarakat Chetti Melaka Era Globalisasi. *Proceedings 2<sup>nd</sup> International Islamic Heritage Conference*, hlm. 209-221.
- Suhaila Abdullah, 2006. *Pemikiran dan Sistem Kepercayaan Masyarakat Peranakan Cina di Melaka Tengah*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam.
- Suraya S., 2012. Dialog Kehidupan Dalam Hubungan Antara Agama di Sabah: Kajian Pengalaman Saudara Baru. Tesis Phd Universiti Malaya.
- Syamsul Azizul Marinsah et al. 2018. Pengambilkiraan ‘Urf dan Adat Dalam Fatwa Semasa: Analisis Terhadap Adat Kematian Banjar di Sabah. *Jurnal of Fatwa Management and Research*. Vol.12 No.1
- Syarul Azman Shaharuddin. 2017. Cabaran dan Permasalahan Mualaf dan Penyelesaiannya Oleh Hidayah Centre Foundation (HCF).
- al-Uthmānī, Muhammad bin Abdul Rahman. 2012. *Rahmātūl Ummah fi Ikhtilāf al-A‘imah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- al-Wizārah al-Awqaf wa al-Shu’un al-Islāmiyyah al-Kuwaīt. 2004. *al-Mawsu‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaītiyyah*. Kuwaīt: Wizarah al-Awqaf wa Shu’un Isla miyyah.
- Zahari Mahad Musa, 2011. Hak-Hak Mengamalkan Ajaran Agama Masyarakat Bukan Islam Dalam Sebuah Negara Islam. Dlm Abdul Karim Ali & Rumaizi Ahmad al-Mustapha. *Fiqh Masyarakat Bukan Islam Di Malaysia*.
- Zawiah Ahmad & Suziana Che Wil. 2005. *Budaya Masyarakat India*. Malaysia: Caberawet Publishing Sdn Bhd.

Zulkifli Mohd al-Bakri. 2018. Irsyad al-Fatwa #151:  
Hukum Menghadiri Majlis Pengebumian  
BukanIslam.  
<https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad->

[fatwa/irsyad-fatwa-umum/1422-irsyad-al-fatwa-siri-ke-151-hukum-menghadiri-majlis-pengebumian-bukan-muslim](https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/1422-irsyad-al-fatwa-siri-ke-151-hukum-menghadiri-majlis-pengebumian-bukan-muslim). [28  
November 2016].

Mohd Faqih Bin Baharudin  
Pelajar Pascasiswazah  
[faqihbaharudin@gmail.com](mailto:faqihbaharudin@gmail.com)  
Pusat Kajian Syariah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
MALAYSIA.

Zuliza Mohd Kusrin,  
[zuli@ukm.edu.my](mailto:zuli@ukm.edu.my)  
Pusat Kajian Syariah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
MALAYSIA.

KANDUNGAN / CONTENTS

<b>Interaksi Mualaf India dengan Keluarga Bukan Islam Berkaitan Upacara Pengebumian Jenazah</b> <i>The Interaction of Indian Muslim Converts with Non-Muslim's Family Regarding Funeral Rites</i> Mohd Faqih Baharudin, Zuliza Mohd Kusrin	1-10
<b>Analisis Konsep Ganjaran di dalam Sistem Transaksi Matawang Digital Menurut Perspektif Islam</b> <i>An Analysis of the Concept of Reward in the Digital Currency Transactions System from Islamic Perspective</i> Sheikh Ameer Shaik Mohd Zeferi, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani	11-21
<b>Prospek Aplikasi Modal Teroka Islam dalam Koperasi di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur</b> <i>Prospects of Islamic Venture Capital Application in Cooperatives in Malaysia: A Literature Review</i> Azlin Alisa Ahmad, Khairul Fatihin	22-33
<b>Kedudukan dan Implikasi Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan Ke Arah Memartabatkan Kedaulatan Islam</b> <i>The Position and Implication of Article 3(1) Federal Constitution: Towards Strengthening the Sanctity of Islam</i> Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi, Ahmad Dahlan Salleh, Mohammad Zaini Yahaya, Muhammad Adib Samsudin	34-45
<b>Analisis Syariah Terhadap Kedudukan Bitcoin Sebagai Alat Pembayaran</b> <i>Sharia Analysis of the Bitcoin Status as Payment Method</i> Muhammad Amir Husairi Che Rani, Ahmad Dahlan Salleh	46-64

Journal of Contemporary Islamic Law

(2019)Vol. 4(2)

**Editor-In-Chief**

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

**Co-Editor**

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

**Secretary**

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

**Senior Editor**

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad  
Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad  
Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad  
Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah  
Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin  
Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

**Chief Managing Editor**

Dr. Mat Noor Mat Zain

**Arabic Copy Editor**

Anwar Fakhri Omar

**Bahasa Copy Editor**

Dr. Mohd Zamro Muda  
Md. Yazid Ahmad

**Editor**

Dr. Mohammad Zaini Yahaya  
Dr. Azlin Alisa Ahmad  
Dr. Mohd Hafiz Safiai

**Published by:**

Research Centre for Sharia,  
Faculty of Islamic Studies,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

**Suggested citation style:**

Author, (2019), Title, Journal of Contemporary  
Islamic Law, 4(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

**Copyrights:**

This work is licensed under a Creative Commons  
Attribution-Noncommercial-No Derivative Works  
3.0 Unported License  
(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).  
You can download an electronic version online. You  
are free to copy, distribute and transmit the work  
under the following conditions: Attribution – you  
must attribute the work in the manner specified by  
the author or licensor (but not in any way that  
suggests that they endorse you or your use of the  
work); Noncommercial – you may not use this work  
for commercial purposes; No Derivate Works – you  
may not alter, transform, or build upon this work.